

PELAN INTEGRITI ORGANISASI

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB)



PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

1.1.1 Dokumen Pelan Integriti Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) ini menggariskan pendekatan, strategi dan pelan tindakan ke arah mengukuhkan nilai murni dan integriti di kalangan warga KPLB. Penghasilan pelan ini merupakan usaha menyediakan panduan bertulis kepada semua warga KPLB mengenai tindakan yang boleh dilaksanakan dalam usaha mengukuhkan nilai murni dan integriti.

1.2 Latar Belakang Kementerian

1.2.1 KPLB telah ditubuhkan pada 17 November 1959 dengan nama Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (KPLB). Pada era awal penubuhannya, pendekatan KPLB adalah bercorak *ecocentric* iaitu memfokus kepada pembangunan ekonomi dan fizikal kawasan luar bandar supaya penduduk luar bandar dapat menikmati kemudahan asas dan berpeluang meningkatkan taraf sosio ekonomi melalui pengusahaan tanah.

1.2.2 Bermula pada tahun 1994, dengan pelancaran Falsafah dan Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar (FSBPLB), pendekatan KPLB berubah kepada bercorak *homocentric* dengan memberi fokus kepada usaha menggilap kualiti modal insan di luar bandar melalui peningkatan pengetahuan, kemahiran dan jati diri kumpulan sasaran secara berterusan.

1.2.3 Visi KPLB - Menjadi peneraju kemajuan luar bandar.

1.2.4 Misi KPLB - Meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar secara menyeluruh dan berkesan.

1.2.5 Moto KPLB - Membandarkan luar bandar

1.3 **Objektif Pelan Integriti KPLB**

1.3.1 Objektif Pelan Integriti KPLB dalam jangka panjang adalah untuk melahirkan warga KPLB yang berpegang teguh kepada nilai murni dan etika serta berintegriti dalam menjalani semua aspek kehidupan seharian. Secara khusus, pelan ini bertujuan meningkat dan mengukuhkan tahap kesedaran, komitmen dan kerjasama warga KPLB di semua peringkat memantap dan membudayakan nilai murni dan integriti dalam penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasaran dan *stakeholder*.

1.3.2 Dalam jangka masa pendek, pelan ini bertujuan memastikan usaha memperkukuhkan nilai murni dan integriti di kalangan warga KPLB dilaksanakan secara terancang dan komprehensif dengan melibatkan komitmen semua bahagian dan unit di KPLB.

ASAS PEMBENTUKAN PELAN INTEGRITI KPLB

2.1 Asas Utama

2.1.1 Pelan Integriti KPLB diasas daripada:

- (i) Perlembagaan Persekutuan
- (ii) Rukun Negara
- (iii) Pelan Integriti Nasional
- (iv) Tranformasi Nasional (TN 50)
- (v) Nilai Teras dan Budaya Kerja KPLB

2.1.2 Selaras dengan aspirasi kepimpinan Negara, nilai-nilai 1Malaysia juga dijadikan asas dalam penyediaan Pelan Integriti KPLB. Nilai-nilai 1Malaysia iaitu budaya kecemerlangan, ketabahan, rendah hati, penerimaan, kesetiaan, meritokrasi, pendidikan dan integriti diyakini dapat menyatukan pemikiran dan tindakan warga KPLB kepada pencapaian matlamat organisasi.

2.1.3 Pelan Integriti KPLB ini juga dibentuk berasaskan 12 nilai dan budaya kerja warga KPLB iaitu:

- (i) Senyum - menunjukkan rasa suka, ceria , mesra dan ikhlas
- (ii) Salam - mengucapkan kata salam sebagai tanda hormat
- (iii) Sopan - menunjukkan tertib , budi bahasa dan adab perlakuan yang baik
- (iv) Segak - ketrampilan diri yang baik diterjemah kepada etika kerja yang mengutamakan kualiti
- (v) Semangat - kemahuan dan kecintaan untuk berkerja secara profesional, komited dan bertanggungjawab
- (vi) Sensitif - bersikap positif, peka dan responsif terhadap persekitaran
- (vii) Selami Jiwa - pendekatan berkesan menyelami memahami dan menyelesaikan masalah kumpulan sasar berbanding kata-kata
- (viii) Segera - melaksanakan kerja dengan cepat, tepat dan mengikut keutamaan
- (ix) Selidik - meneliti, mengkaji dan menganalisis maklumat yang diterima dalam pelaksanaan kerja sebelum membuat keputusan
- (x) Sempurna - memastikan kerja-kerja dilaksanakan dengan teliti,rapi dan berkualiti
- (xi) Selenggara - budaya penyelenggaraan berterusan ke arah pencapaian optima
- (xii) Sucihati - nilai kerja berintegriti yang berteraskan keikhlasan ,kejujuran ketulusan hati dan kesucian dalam melaksanakan tugas

3. Ikrar Integriti

Penjawat Awam Malaysia

Kami, Pegawai Awam Malaysia, dengan sepenuh dan rela hati berikrar mempertahankan dan memperkukuhkan integriti Perkhidmatan Awam dengan mencegah dan membanteras segala bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan melalui tindakan-tindakan berikut:

1. Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;
2. Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah;
3. Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang, peraturan dan etika jabatan;
4. Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah;
5. Bertindak tegas terhadap mereka yang cuba menggugat integriti dan imej Pegawai Awam; dan
6. Mematuhi sepenuhnya kod etika jabatan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas.

4. PELAN TINDAKAN MENGIKUT STRATEGI

PELAN INTEGRITI ORGANISASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (2017 – 2021)

Strategi 1:

Memantapkan Keberkesanan Tadbir Urus Terbaik

Strategi 2:

Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian
Perkhidmatan

Strategi 3:

Melaksanakan Program Kesedaran Memerangi Jenayah
Rasuah, Penyelewengan, Salah Guna Kuasa serta
Meningkatkan Integriti

Strategi 4:

Memantapkan Sistem Pengurusan Tatatertib

Strategi 5:

Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia